

BAB 3

Kaedah Kajian

Kajian yang hendak dijalankan ini bertujuan untuk menyelidik penggunaan SBBM oleh empat orang guru pelatih dalam kelas ketika menghadapi mata pelajaran BM. Untuk mendapat gambaran tentang penggunaan tersebut, kajian ini akan meneliti perlakuan peserta kajian ketika menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan aspek lisan dan bacaan secara formal.

Penyelidikan yang pengkaji jalankan menggunakan pendekatan kajian kes secara kualitatif. Noor Azlan Ahmad Zanzali (1995) menurunkan empat ciri pendekatan kualitatif :

- (i) Fokus penyelidikan untuk memahami budaya sampel yang dikaji menggunakan temu bual yang informal;
- (ii) Penyelidik tidak menguji hipotesis tetapi mirip menerbitkan hipotesis dan teori daripada data yang menyebabkan penyelidikan lebih fleksibel dan penganalisan data berlaku semasa data sedang diperolehi;
- (iii) Penyelidikan lebih tertumpu kepada proses pelaksanaan dan bukan hasil (outcomes); dan
- (iv) Lebih berbentuk menyeluruh (holistik) dan cuba memahami kontekstual tentang perhubungan yang kompleks dari sudut sebab dan hasil yang memengaruhi tingkah laku manusia.

Justeru, kaedah kajian kes lebih sesuai digunakan untuk menghuraikan dan menjelaskan proses penggunaan SBBM dengan lebih dekat dan mendalam. Menurut Noor Azlan (1995) :

" Mengutip data kualitatif memerlukan penyelidik berada dekat, baik dari segi fizikal atau dari segi

perhubungan dengan sampel yang ingin dikaji. . . .
 kerana pada dasarnya, sebarang penyelidikan
 pendidikan adalah mengenai manusia yang tingkah
 lakunya sangat kompleks." (hlm. 31).

Kaedah kajian kes secara kualitatif membolehkan pengkaji menyelidik, pemerhati, meneliti, mencatat, merakam dan berbincang secara terus dengan peserta kajian. Di samping itu, kaedah ini membawa pengkaji terus ke persekitaran yang sebenar iaitu dalam kelas ketika mendampingi peserta yang dikaji.

Tempat Kajian

Sesebuah tempat yang mudah dan tidak kompleks demi untuk menjimatkan masa menjalankan penyelidikan dipilih untuk kajian ini. Tempat kajian ialah di sebuah maktab perguruan di Kuala Lumpur. Bagi tujuan penyelidikan ini sahaja, maktab perguruan tersebut dikenali sebagai Maktab Perguruan Tun Razak (MPTR). Di MPTR sebagai tempat kajian yang dipilih, kursus-kursus perguruan peringkat asas, lanjutan, diploma dan ijazah pertama sedang dijalankan. Guru-guru pelatih yang menjadi peserta kajian yang dimaksudkan terdapat di maktab ini. Kerjasama dan kesanggupan yang diberikan oleh peserta yang dipilih, pihak pentadbir, pensyarah-pensyarah daripada Jabatan BM dan kakitangan bukan akademik memudahkan kajian ini dilaksanakan sepanjang tempoh kajian dijalankan. Tempat kajian yang dipilih dan empat orang guru pelatih daripada dua buah kelas sahaja adalah wajar dan menepati peruntukan masa yang ada tanpa menjejaskan kualiti kajian.

Peserta Kajian

Empat orang guru pelatih (2 lelaki dan 2 perempuan) yang telah memasuki

MPTR pada pertengahan tahun 1997 telah dipilih untuk menjadi peserta kajian ini. Semasa kajian ini dijalankan, mereka telahpun melalui kursus perguruan selama dua semester daripada lima semester dalam program yang disediakan. Dalam kursus perguruan yang mereka ikuti, BM merupakan satu mata pelajaran teras yang mesti dipelajari oleh mereka dan dinilai melalui hasil penulisan esei dan peperiksaan. Pemilihan peserta kajian ini adalah dengan tujuan untuk mengumpul data dalam situasi yang sebenar. Namun demikian, beberapa orang guru pelatih lain akan juga dilibatkan dalam kajian ini untuk meperlengkap pengumpulan data dan juga untuk memperkukuh data.

Pemilihan peserta kajian berdasarkan beberapa kriteria. Pertama pemilihan peserta kajian berdasarkan cadangan dan sokongan pensyarah yang mengajar mereka mata pelajaran BM. Cadangan dan sokongan ini berdasarkan pemerhatian pensyarah BM tersebut tentang keaktifan, personaliti, keterlibatan, dan interaksi peserta kajian dengan beliau dan juga rakan. Situasi begini penting kerana kajian akan menumpukan kepada kegiatan pertuturan peserta kajian.

Kedua, peserta kajian dipilih daripada guru pelatih yang dalam kursusnya telah diperuntukkan mata pelajaran BM sebagai satu mata pelajaran yang mesti dipelajari. Hal yang demikian aspek yang dikaji dapat dipastikan.

Ketiga, oleh sebab peserta kajian tidak berada dalam kelas yang sama, pengkaji memastikan supaya waktu mata pelajaran BM bagi kelas mereka tidak bertembung untuk membolehkan data dikutip pada setiap waktu pembelajaran BM. Selain itu, sebelum pemerhatian dijalankan, pengkaji akan memastikan dahulu tentang waktu yang manakah akan melibatkan lebih banyak aktiviti lisan. Sekiranya tiada aktiviti lisan atau

komponen aktiviti lisan terlalu kecil berbanding dengan komponen aktiviti seperti menulis, pemerhatian tidak akan dijalankan.

Keempat, persetujuan dan kesanggupan peserta kajian untuk melibatkan diri dalam kajian ini sangat perlu diambil kira. Mereka memiliki maklumat yang dikehadapi oleh pengkaji, oleh itu kesanggupan mereka untuk diperhati, ditemu bual, dirakam, dan hasil aktiviti kebahasaan mereka diteliti perlu diperolehi daripada mereka. Pengkaji memerlukan juga kesanggupan mereka untuk meluangkan masa di luar masa pembelajaran BM untuk membolehkan mereka ditemu bual.

Ketika pengutipan data dijalankan, peserta kajian tidak diberitahu tentang tujuan kajian secara langsung. Dalam penerangan tentang kajian ini kepada mereka menyentuh aspek penglibatan mereka dalam penggunaan lisan BM ketika pembelajaran di dalam kelas. Dalam penulisan laporan kajian, nama-nama peserta kajian akan dirahsiakan dan akan diberi nama samaran sahaja. Maklumat dan data yang diperolehi daripada mereka akan disimpan dan dirahsiakan juga.

Tempoh Kajian

Tempoh pelaksanaan bagi kajian ialah selama satu bulan iaitu dari awal bulan Mac hingga awal bulan April. Dalam konteks kajian ini, difikirkan tempoh masa tersebut memadai untuk pengkaji mengumpulkan maklumat yang diperlukan yang dapat menggambarkan secara menyeluruh tentang penggunaan SBBM guru-guru pelatih. Masa yang menjangkau satu bulan ini perlu untuk membiasakan peserta kajian dengan pengkaji dan tidak semua waktu mata pelajaran BM diisi dengan aktiviti lisan. Pemilihan untuk pemerhatian diutamakan bagi waktu-waktu pengajaran komponen

lisan yang lebih besar daripada komponen lain.

Kaedah Pengutipan Data

Dalam penyelidikan kualitatif pelbagai kaedah boleh digunakan dalam mengumpul data seperti "participant observant", temu bual, cerapan, analisis kandungan atau dokumen, analisis protokol dan sebagainya (Noor Azlan Ahmad Zanzali (1995). Merriam (1988) pula menyatakan tiga kaedah kualitatif itu ialah pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen.

Berdasarkan kenyataan itu, dalam kajian ini pengkaji adalah sebagai alat penyelidikan yang akan menghasilkan data yang bermakna untuk diproses, dijelaskan dan disimpulkan semasa kajian dijalankan (Marohaini, 1995). Tiga kaedah dalam kajian kualitatif akan pengkaji gunakan untuk mengumpul data dan maklumat iaitu : (i) Pemerhatian; (ii) Temu bual; dan (iii) Bukti Dokumen. Menggunakan pelbagai kaedah pengutipan data akan dapat memberi triangulasi atau pengukuhan kesahan antara kaedah-kaedah yang digunakan dan pengkaji tidaklah hanya bergantung kepada satu kaedah sahaja.

Menurut Noor Azlan (1995) kaedah analisis pendekatan kuantitatif menggunakan nombor-nombor dan prosedur matematik (statistik) untuk mendapat maklumat dan rumusan daripada data yang terkumpul. Dalam penyelidikan kualitatif, penyelidik sebenarnya menjalankan prosedur yang sama seperti analisis kuantitatif, iaitu mengkategorikan, menyusun dan memberi interpretasi data yang terkumpul. Perbezaannya ialah dalam pendekatan kualitatif nombor tidak digunakan untuk memproses maklumat. Penganalisan data selalunya berdasarkan kepada andaian dan

kerangka teori yang dibuat tentang fenomena yang dikaji. Data yang diperoleh biasanya adalah lebih daripada apa yang diperlukan. Penyelidik hendaklah berkebolehan memilih maklumat yang relevan. Hal yang demikian, penghuraian data, maklumat, dan dapatan kajian ini akan dinyatakan dalam bentuk deskriptif atau penceritaan.

Pemerhatian

Pemerhatian merupakan kaedah utama untuk mengumpul data kajian. Pengkaji dapat mendengar pertuturan dan melihat tingkah laku peserta kajian seperti mimik muka dan gaya ketika mereka bertutur menggunakan SBBM. Hal yang demikian, pengkaji memperoleh data yang lebih realistik. Untuk mengukuhkan, memudahkan proses mengumpul, dan membuat transkripsi data, pengkaji merakam pertuturan subjek dengan menggunakan perakam suara. Hasil daripada rakaman-rakaman akan didengar semula dan ditranskripsikan untuk maksud penyelidikan tentang penggunaan SBBM. Di samping rakaman kaset, pengkaji juga membuat catatan ketika pemerhatian. Catatan melibatkan bentuk-bentuk perlakuan ketika proses pembelajaran berlangsung yang tidak terakam kerana pengkaji tidak menggunakan perakam video.

Temu Bual

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk memperengkap kaedah pemerhatian yang telah dilakukan. Ketika pemerhatian, sebarang tindakan atau perlakuan peserta kajian yang kurang jelas maksud atau yang tidak boleh ditafsir akan ditemukan ketika sesi temu bual. Melalui sesi temu bual pengkaji juga mendapat

maklumat seterusnya tentang pengetahuan, pandangan, sikap, sumber model, dan masalah-masalah yang mereka hadapi untuk terus menggunakan SBBM.

Sesi temu bual dijalankan secara tidak formal bagi memudahkan interaksi pengkaji dengan peserta kajian. Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut, temu bual juga dilakukan dengan rakan peserta kajian dan pensyarah BM mereka. Temu bual biasanya dijalankan pada masa terluang atau selepas selesai kuliah terakhir pada hari berkenaan. Temu bual dilakukan sama ada di dalam kelas, kantin, atau di pondok-pondok wakaf MPTR.

Bentuk soalan temu bual berkisar tentang pemerolehan kemahiran menggunakan SBBM dan yang berkaitan dengan soalan-soalan kajian seperti :

- (i) Bagaimanakah peserta kajian boleh menggunakan SBBM?;
- (ii) Tentang pandangan atau sikap mereka terhadap penggunaan SBBM;
- (iii) Sumber-sumber yang boleh dijadikan contoh penggunaan SBBM;
- (iv) Masalah atau halangan penggunaan SBBM dalam situasi rasmi.

Hasil temu bual dirakamkan juga ke dalam perakam suara untuk ditranskripsikan dalam bentuk lambang fonetik dan dianalisis bunyi sebutan mereka.

Bukti Dokumen

Oleh sebab kajian tertumpu kepada hasil pertuturan, maka bukti dokumen yang digunakan ialah dalam bentuk rakaman suara yang telah dirakam sebelum kajian dijalankan. Rakaman berbentuk aktiviti ketika peserta kajian dan rakan-rakan menjalankan aktiviti seperti mesyuarat, pidato, dan melafazkan puisi. Melalui

dokumen-dokumen tersebut, dapat ditafsirkan sejauh manakah penggunaan SBBM oleh guru-guru pelatih.

Analisis Data

Dalam sesebuah kajian kualitatif, proses pengutipan data dan analisis data berjalan serentak dan tidak langkah demi langkah. Justeru, sepanjang pelaksanaan kajian, kedua-dua proses ini disatukan bagi membolehkan penyelidik bergerak dengan berkesan dalam pengutipan data (Marohaini, 1995). Oleh itu, membuat analisis dengan segera sebaik sahaja pemerhatian selesai dapat membantu pengkaji mendapatkan jawapan bagi perkara-perkara yang menarik perhatian semasa pembelajaran berlangsung.

Untuk memudahkan analisis, data-data yang telah terkumpul dikelaskan dengan menggunakan sistem fail. Setiap peserta kajian mempunyai fail sendiri yang mengandungi set pemerhatian dan set temu bual dalam bentuk rakaman suara dan transkrip. Untuk mewujudkan triangulasi, data setiap peserta kajian diasingkan ke dalam fail berdasarkan tajuk iaitu fonologi SBBM, morfologi SBBM, sumber model SBBM, dan masalah yang menghalang SBBM.